

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
(PENGERANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 04.11.2014

Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [PENGERANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan mengenai dakwaan yang menyatakan bahawa hutang negara akan meningkat 100 peratus berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2019 jika dasar pemberian subsidi diteruskan dengan mengambil kira jumlah pembiayaan subsidi ditanggung Kerajaan mencecah lebih RM70 bilion setahun.

JAWAPAN

Untuk makluman ahli Yang Berhormat,

Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada tahun 2013 adalah sebanyak RM539.9 bilion atau 54.7% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Jumlah ini telah pun mengambil kira pemberian subsidi oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM43.3 bilion atau 4.4% daripada KDNK pada tahun 2013. Peruntukan subsidi yang tinggi ini sebahagian besarnya adalah bagi membiayai subsidi bahan api, minyak masak, beras dan tepung, program kebajikan sosial serta insentif kepada petani dan nelayan.

2. Sekiranya langkah rasionalisasi tidak dilaksanakan, peruntukan subsidi dan bantuan lain akan terus meningkat dan membebankan kewangan Negara, termasuk paras hutang. Ini telah terbukti dengan peningkatan ketara peruntukan subsidi dan bantuan daripada RM20.3 bilion pada tahun 2009 kepada RM43.3 bilion pada tahun 2013, peningkatan lebih sekali ganda dalam tempoh 5 tahun. Paras hutang juga turut meningkat daripada 50.8% daripada KDNK kepada 54.7% bagi tempoh yang sama.

3. Peningkatan besar subsidi ini disumbangkan terutamanya oleh subsidi bahan api berikutan kenaikan harga minyak mentah dunia serta

bilangan kenderaan yang semakin bertambah. Selain itu, kesan herotan ekonomi turut berlaku di mana kegiatan penyeludupan yang didalangi oleh golongan tidak bertanggungjawab yang mengambil peluang ke atas harga runcit bahan api yang rendah serta penggunaan bahan api yang berlebihan dan ketirisan turut menyumbang kepada peningkatan peruntukan subsidi. Hal ini berlaku akibat dari pemberian subsidi secara pukal dan bukan secara bersasar. Sekiranya perkara ini berterusan, berkemungkinan peruntukan subsidi yang lebih besar perlu disediakan dan akan mengakibatkan peningkatan defisit dan hutang.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya jumlah pemberian subsidi dan bantuan yang berjumlah lebih RM40 bilion tidak lagi diperuntukan atau hanya disediakan bagi barangan dan perkhidmatan tertentu dan dinikmati secara khusus oleh golongan sasaran, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dianggar akan mencatat lebihan dengan paras hutang yang lebih rendah. Peruntukan subsidi yang diberi adalah untuk membantu golongan sasaran dan memastikan harga barangan dan

perkhidmatan asas lebih berpatutan dan tidak membebankan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan mengambil langkah rasionalisasi subsidi bagi memastikan perbelanjaan untuk subsidi adalah lebih cekap, tersasar dan dapat mengurangkan ketirisan dan pembaziran.

5. Justeru, Kerajaan terus komited untuk memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55 peratus daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus, langkah pembaharuan fiskal akan terus diberi perhatian dengan salah satu langkah adalah dengan meningkatkan hasil dan pada masa yang sama meningkatkan kecekapan sumber dan agihan perbelanjaan Kerajaan termasuk langkah rasionalisasi subsidi yang dilaksanakan secara berperingkat. Oleh itu dakwaan bahawa hutang negara akan meningkat kepada 100 peratus adalah sama sekali tidak benar.